

Dua sekolah diarah tutup

SMK Tanjung Adang dan SK Tanjung Adang diumumkan tutup dua hari

FIRDAUS YON, SHAFIQ TINO dan NOR AZURA MD AMIN

JOHOR BAHRU

Pemangku Raja Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim mengarahkan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Tanjung Adang, Gelang Patah ditutup sementara waktu demi menjaga kesihatan pelajarinya.

Titah berkenaan dinyatakan baginda selepas melakukan lawatan ke sekolah berkenaan semalam berhubung insiden kebakaran hutan di Kampung Pekajang yang masih berlarutan sehingga kini.

Difahamkan, sekolah berkenaan mempunyai seramai 200 pelajar.

Terdahulu, Tunku Ismail turut mencemar duli menginjak kawasan kebakaran yang kini dilaporkan sudah merebak ke kawasan baharu dengan keluasan 98 hektar dari lokasi pertama terbakar.

Baginda turut diberikan taklimat perkembangan terkini operasi pemadaman api oleh Pengarah Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor, Datuk Yahaya Madis.

Sementara itu, Yahya dalam kenyataannya semalam berkata, JBPM Johor kini sudah berjaya memadamkan sebanyak 45 peratus daripada kawasan kebakaran yang terjejas.

Katanya, operasi pemadaman api mengalami sedikit gangguan kerana bekalan air sungai dan parit di kawasan itu tidak dapat



Tunku Ismail ketika membuat lawatan ke SMK Tanjung Adang, Gelang Patah semalam.

**HUTAN
DI GELANG PATAH
TERBAKAR**

menampung kegunaan untuk operasi berkenaan dan terpaksa menggunakan bantuan pili bomba berhampiran.

"Operasi pemadaman dilakukan seramai 79 anggota termasuk pegawai kanan dari 10 buah balai di kawasan Zon 1 Johor dan 2 buah balai dari kawasan Zon 2

Johor.

"Sebanyak lima water tanker berkapasiti 20,000 liter digunakan untuk mengangkut air yang diambil dari pili bomba berdekatan untuk memadamkan kebakaran itu," katanya.

Dalam perkembangan sama, Timbalan Pengarah Pendidikan (Pengurusan Sekolah) Negeri Jo-

hor, Ab Rahim Lamin berkata, dua sekolah iaitu SMK Tanjung Adang dan Sekolah Kebangsaan (SK) Tanjung Adang diumumkan tutup dua hari sehingga hari ini.

"Pihak kami sudah buat tinjauan di kedua-dua sekolah berkenaan. Puncanya adalah kuantiti asap yang boleh mendatangkan kesan tidak sihat.

"Jadi, selepas menerima nasihat daripada Jabatan Alam Sekitar (JAS), Pegawai Daerah Johor Bahru dan JBPM Negeri Johor, kita tutup sekolah ini selama dua hari," katanya kepada *Sinar Harian*.

Ab Rahim berkata, pihaknya juga akan mempertimbangkan lanjutan cuti kepada dua sekolah berkenaan sekiranya keadaan kebakaran di kawasan itu belum dapat diatasi sepenuhnya.

"Esok (hari ini) kita akan dapatkan lagi nasihat daripada pihak-pihak berkaitan ini. Jika belum boleh diteruskan, kita akan lanjutkan cuti," katanya.

Bomba hadapi kesukaran padam kebakaran hutan

JOHOR BAHRU - Operasi pemadaman kebakaran hutan di Kampung Pekajang, Gelang Patah di sini mengalami sedikit kesulitan berikutan bekalan air yang tidak mencukupi.

Exco Perumahan, Komunikasi dan Multimedia Johor, Dzulkefly Ahmad berkata, bagaimanapun perkara itu sedang diatasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Johor dengan tambahan pam air dari Batu Pahat.

"Bomba sedang berusaha memadamkan api di

bahagian atas dan bawah tanah menggunakan bekalan air yang terhad.

"Namun kita juga sudah terima dua pam air tambahan daripada Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) yang baru sampai dari Batu Pahat tengah malam tadi (kelmarin)," katanya dalam satu kenyataan di sini semalam.

Dzulkefly berkata, keadaan kebakaran di kawasan itu dijangka dapat diatasi dalam tempoh terdekat memandangkan kerja-kerja membuat parit bagi

menghalang api merebak hampir selesai.

Justeru katanya, penduduk kampung berhampiran kawasan berkenaan dinasihatkan tidak perlu bimbang dan panik kerana api sudah dikampung.

"Saya difahamkan, kerja-kerja mengorek 'fire breaker' berbentuk parit yang diisi air di sekeliling kawasan kebakaran sudah hampir selesai.

"Untuk operasi ini, kira-kira 154 petugas daripada 11 pihak dan agensi berkaitan telah terlibat," katanya.



Pandangan dari atas keadaan kebakaran hutan di Kampung Pekajang. Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Adang dan Sekolah Kebangsaan Tanjung Adang terletak dalam jarak kurang 50 meter dari kawasan hutan yang terbakar.